

Serangan Pembangkang Tidak Lemahkan BN Sabah - Musa Aman
Bernama
9 September, 2012

MENTAKAB, 9 Sept (Bernama) -- Serangan berterusan pembangkang ke atas Barisan Nasional (BN) Sabah dan pemimpinnya tidak pernah melemahkan parti itu, kata Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman.

Beliau berkata semua pemimpin parti komponen BN di Sabah masih bersatu dan bekerjasama sekaligus menyebabkan Umno semakin kukuh dan sukar digoyangkan.

"Rakyat tidak perlu terpengaruh dengan dakwah pembangkang mendakwa kononnya Sabah masih jauh ketinggalan dari segi pembangunan berbanding kawasan lain di negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Temerloh di Dewan Seri Mentakab di sini Ahad.

Musa yang juga merupakan Anggota Majlis Tertinggi Umno berkata kerajaan BN di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tidak pernah menyisihkan pembangunan di Sabah, sekaligus menolak dakwah pembangkang.

Musa yang juga Pengerusi BN Sabah berkata pembangunan yang dilaksanakan di Sabah tidak hanya tertumpu di kawasan bandar malah seluruh penduduk kampung dan pedalaman menikmati kemudahan secukupnya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693320>